

Encik Law 'Encik ITE'

Berita Harian, 23 February 2015

MERUBAH minda masyarakat agar lebih bersikap terbuka terhadap pendidikan kejuruan dan teknikal (VTE) antara cabaran utama yang dihadapi mantan pengarah merangkap ketua pegawai eksekutif (CEO) Institut Pendidikan Teknikal (ITE), Dr Law Song Seng.

Sepanjang 25 tahun menerajui institut itu, sejak ia dikenali sebagai Lembaga Latihan Kejuruan dan Perusahaan (VITB), Dr Law berjaya mengubah imej dan penjenamaan semula VTE, bukan di peringkat negara sahaja, bahkan dunia.

"VTE tidak berprestij secara semula jadi, tidak seperti universiti," singkap beliau, yang menjadi pengarah VITB pada 1981 ketika berusia pertengahan 30-an tahun setelah menjadi profesor madya dan ketua jabatan Kejuruteraan Perindustrian dan Sistem di Universiti Nasional Singapura (NUS).

ITE pernah dikritik dan akronimnya dikatakan bermakna 'It's The End' (Habishlah), namun kini ia menjadi jenama yang sinonim dengan institusi bertaraf global.

Ia memenangi Anugerah Mutu Singapura (SQA) pada 2005 dan Anugerah Inovasi Harvard-IBM dalam Mengubah Pemerintahan pada 2007.

Perjalanan panjang bagi merubah VTE itu dirakam dalam buku Dr Law bertajuk *A Breakthrough In Vocational and Technical Education: The Singapore Story* (Satu Penerobosan Dalam Pendidikan Kejuruan dan Teknikal: Kisah Singapura) terbitan bersama Institut Pengajian Dasar (IPS) dan syarikat penerbitan World Scientific.

Dalam majlis pelancaran buku itu di ITE Maktab Central Selasa lalu, Dr Law berkata ITE telah melalui tiga arus menuju perubahan.

"ITE telah menggunakan kaedah perancangan strategik lima tahun untuk menetapkan sasaran, memantau kemajuan dan menjadikannya kayu ukur.

"Saya percaya langkah yang dilakukan secara konsisten ini telah membantu meningkatkan mutunya," kata Dr Law.

Menurut sarjana Colombo Plan itu, melalui arus peralihan pertama dari 1995 hingga 1999, ITE mula menjadi institut pendidikan teknikal posmenengah.

"Apabila sampai ke tempoh 2005 hingga 2009, kami melihat banyak perubahan dari segi penerimaan masyarakat, ibu bapa, guru, pelajar, industri dan lain-lain.

"Untuk kekal relevan, kita harus juga berada di luar sana dan melihat dunia dan bukan sekadar kekal berada di Singapura dan mengharap akan sentiasa berkembang. Kita harus saling berkongsi pengalaman dengan banyak negara," ujar Dr Law.

Sementara itu, menyifatkan kemampuan Dr Law berpandangan jauh dan berwawasan harus dipuji dan telah mencipta sejarah bagi Singapura, Pengarah Urusan World Scientific, Encik Max Phua, berkata:

"Dr Law telah memainkan peranan penting dalam meletak asas sistem latihan kejuruan bertaraf dunia yang membentuk sebahagian daripada pengalaman Singapura, sesuatu yang saya percaya berguna bagi kita kongsi dengan negara lain yang mahu berbuat demikian."

'ENCIK ITE': Melalui kepimpinan berwawasan berserta pasukannya, mantan pengarah dan ketua pegawai eksekutif (CEO), Institut Pendidikan Teknikal ITE yang juga digelar 'Encik ITE', Dr Law Song Seng, berkongsi kisah pendidikan vokasional dan teknikal dengan masyarakat antarabangsa melalui bukunya, 'A Breakthrough in Vocational and Technical Education: The Singapore Story'.